

**KESAN PENCAPAIAN DAN SIKAP PELAJAR
TINGKATAN DUA DI KULIM TERHADAP
PENGUNAAN ALAT BANTU MENGAJAR
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
GEOGRAFI**

oleh

ELAMARIN A/L NADESON

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Pendidikan**

September 2004

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya Profesor Madya Dr. Ishak Ramly yang telah memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dan teguran bagi melaksanakan kajian ini dari awal hingga akhir.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sekalung penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak berbelah bagi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, yang mengizinkan saya untuk belajar di peringkat Sarjana Pendidikan dengan memberi cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa. Terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman dan Pejabat Pendidikan Daerah Kulim kerana memberi kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang telah terpilih. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dekan, Timbalan Dekan dan pensyarah-pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP). Terima kasih juga diucapkan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

Akhir sekali, ucapan khas dengan penuh rasa kasih dan sayang ditujukan khusus kepada ibu bapa kandungku yang banyak berjasa, isteri Indira Goh dan anak-anak Kavind dan Pravin serta Saritha dan Sasikala seisi keluarga, yang banyak mengerti dan berkorban demi untuk kejayaan saya.

Elamarin A/L Nadeson
Universiti Sains Malaysia

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SINGKATAN	xii
LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi

BABI PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	17
1.3	Kepentingan Kajian	25
1.4	Tujuan Kajian	26
1.5	Persoalan Kajian	28
1.6	Hipotesis Kajian	29
1.7	Batasan Kajian	32
1.8	Definisi Istilah	33
1.8.1	Geografi	33

1.8.2	Pendekatan Alat Bantu Mengajar	34
1.8.2.1	Peta	35
1.8.2.2	Projektor Overhed/Lutsinar	35
1.8.2.3	Gambar	36
1.8.2.4	Carta	36
1.8.3	Pendekatan Eklektik	37
1.8.4	Sikap	37
1.8.5	Kefahaman	38
1.8.6	Media Pengajaran	38
1.8.7	Pencapaian	38
1.9	Kesimpulan	39

BAB II TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN BERKAITAN

2.1	Pendahuluan	40
2.2	Disiplin Pendidikan Geografi	41
2.3	Pendidikan Geografi Di Malaysia	44
2.4	Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	49
2.5	Penggunaan Teknologi Pengajaran Dalam Mata Pelajaran Geografi	52
2.6	Tinjauan Kajian Terhadap Penggunaan Media Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	56
2.7	Kemahiran Komunikasi Dalam Penggunaan Alat Bantu Mengajar	66
2.8	Teori Pembelajaran	68
2.8.1	Teori Pemprosesan Maklumat	69

2.8.2	Teori Generatif	73
2.8.3	Teori Sikap	75
2.9	Kerangka Teori Kajian	79
2.10	Kesimpulan	81

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	82
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	85
3.2.1	Kawalan Kesahan Dalaman	86
3.2.2	Rancangan Penyelidikan	88
3.3	Lokasi Kajian	89
3.4	Populasi	89
3.5	Pensampelan	89
3.6	Pemboleh Ubah	91
3.7	Instrumen Kajian	91
3.7.1	Ujian Pencapaian Pra dan Pasca	92
3.7.2	Penyampaian Pendekatan Pengajaran	94
3.7.3	Alat Bantu Mengajar	95
3.7.4	Soal Selidik Sikap Pelajar	97
3.7.5	Pentadbiran Soal Selidik Sikap	99
3.8	Prosedur Keseluruhan Perlaksanaan Penyelidikan	99
3.8.1	Kajian Rintis	101
3.8.2	Kebolehpercayaan Ujian	101
3.8.5	Indeks Kesukaran	102

3.8.6	Kesahan Ujian	104
3.8.6.1	Kesahan Kandungan	105
3.8.6.2	Kesahan Kriteria	105
3.8.6.3	Kesahan Gagasan	106
3.8.7	Tatacara Pengajaran	107
3.9	Pengumpulan Data	108
3.10	Pemprosesan dan Penganalisan Data	108
3.11	Kesimpulan	112

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	113
4.1.1	Statistik Deskripsi Sampel Kajian	114
4.2	Statistik Deskripsi Pencapaian Ujian Pra. Ujian Pasca Geografi Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	115
4.2.1	Statistik Deskripsi Pencapaian Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Mengikut Skala	116
4.3	Statistik Deskripsi Pencapaian Pelajar Mengikut Tajuk Pelajaran	123
4.4	Ujian-t Pencapaian Pelajar Mengikut Tajuk Pelajaran	127
4.5	Perbandingan Antara Pencapaian Pelajar Lelaki Dalam Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	132
4.6	Sikap Terhadap Mata Pelajaran Geografi	141
4.7	Hubungan Antara Sikap Dengan Pencapaian Dalam Geografi	145
4.8	Rumusan Analisis Data Kajian	152
4.9	Kesimpulan	154

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	156
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	156
5.2.1	Perbezaan Min Skor Ujian Pra	157
5.2.2	Pencapaian Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	158
5.2.3	Perbandingan Kesan Olahan	159
5.2.4	Pencapaian Pelajar Dari Segi Jantina	162
5.2.5	Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Geografi	163
5.2.6	Rumusan Hubungan Sikap Dengan Pencapaian Pelajar	165
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	166
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	168
5.4.1	Cadangan Berkaitan Dapatan Kajian	169
5.5	Kesimpulan	172
BIBLIOGRAFI		174
LAMPIRAN		191

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Perbandingan Peratus Pelajar Yang Mengambil Geografi Dan Sejarah Daripada Bilangan Pelajar SPM Dari Tahun 1989-1992	9
3.1 Bilangan Pelajar Tingkatan Dua Mengikut Kumpulan Dan Jantina	90
3.2 Empat Kategori Pencapaian Berdasarkan Skor Pencapaian	93
3.3 Penyesuaian Item-Item Soal Selidik	97
3.4 Nilai Markat Soal Selidik Sikap Pelajar	98
3.5 Prosedur Keseluruhan Perlaksanaan Penyelidikan	99
3.6 Indeks Kesukaran Ujian Pra	103
3.7 Indeks Kesukaran Ujian Pasca	104
3.8 Jadual Tatacara Pengajaran	107
4.1.1 Bilangan Dan Peratusan Sampel Kajian Mengikut Jantina Dalam Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	114
4.2.1 Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra. Ujian Pasca Geografi Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	115
4.2.2 Deskripsi Skor Markat Mengikut Skala Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	117
4.2.3 Perbandingan Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Terhadap Min Skor Ujian Pra Dengan Menggunakan Ujian-t	118
4.2.4 Perbandingan Min Skor Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen Dengan Menggunakan Ujian-t	119
4.2.5 Perbandingan Min Skor Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dengan Menggunakan Ujian-t	120
4.2.6 Korelasi Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pasca	120

4.2.7	Perbandingan Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Dengan Menggunakan Ujian-t	121
4.2.8	Ujian ANCOVA Untuk Skor Ujian Pasca Dengan Skor Ujian Pra Sebagai Kovariat	122
4.3.1	Deskripsi Min Skor, Sisihan Piawai, Min Skor Peningkatan Bagi Tajuk Pertanian	123
4.3.2	Deskripsi Min Skor, Sisihan Piawai, Min Skor Peningkatan Bagi Tajuk Perindustrian	124
4.3.3	Deskripsi Min Skor, Sisihan Piawai, Min Skor Peningkatan Bagi Tajuk Perikanan	125
4.3.4	Deskripsi Min Skor, Sisihan Piawai, Min Skor Peningkatan Bagi Tajuk Penduduk	126
4.4.1	Min Skor Pencapaian Pelajar Bagi Tajuk Pertanian Antara Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan Dengan Ujian-t	128
4.4.2	Min Skor Pencapaian Pelajar Bagi Tajuk Perindustrian Antara Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan Dengan Ujian-t	129
4.4.3	Min Skor Pencapaian Pelajar Bagi Tajuk Perikanan Antara Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan Dengan Ujian-t	130
4.4.4	Min Skor Pencapaian Pelajar Bagi Tajuk Penduduk Antara Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan Dengan Ujian-t	131
4.5.1	Deskripsi Min Skor, Sisihan Piawai, Min Skor Peningkatan Bagi Pelajar Lelaki Dalam Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	132
4.5.2	Deskripsi Min Skor, Sisihan Piawai, Min Skor Peningkatan Bagi Pelajar Perempuan Dalam Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	133
4.5.3	Perbandingan Pencapaian Pelajar Lelaki Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Dengan Menggunakan Ujian-t	134

4.5.4	ANCOVA Skor Ujian Pasca Antara Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	135
4.5.5	Perbandingan Pencapaian Pelajar Perempuan Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Dengan Menggunakan Ujian-t	136
4.5.6	ANCOVA Skor Ujian Pasca Pelajar Perempuan Antara Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	138
4.5.7	Perbandingan Antara Pencapaian Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan Bagi Kumpulan Eksperimen Dengan Menggunakan Ujian-t	139
4.5.8	ANCOVA Skor Ujian Pasca Pelajar Lelaki Berbanding Pelajar Perempuan Dalam Kumpulan Eksperimen	140
4.6.1	Perbandingan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Bagi Skor Sikap Terhadap Geografi Dengan Menggunakan Ujian-t	141
4.6.2	Perbandingan Sikap Terhadap Geografi Antara Pelajar Lelaki Dalam Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan Dengan Menggunakan Ujian-t	142
4.6.3	Perbandingan Sikap Terhadap Geografi Antara Pelajar Perempuan Dalam Kumpulan Eksperimen Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan Dengan Menggunakan Ujian-t	143
4.6.4	Perbandingan Sikap Terhadap Geografi Antara Pelajar Lelaki Dengan Perempuan Dalam Kumpulan Eksperimen Dengan Menggunakan Ujian-t	144
4.7.1	Korelasi Antara Sikap Pelajar Terhadap Geografi Dengan Pencapaian Dalam Ujian Pasca Geografi Bagi Kumpulan Eksperimen	146
4.7.2	Korelasi Antara Sikap Pelajar Lelaki Terhadap Geografi Dengan Pencapaian Dalam Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	148
4.7.2	Korelasi Antara Sikap Pelajar Perempuan Terhadap Geografi Dengan Pencapaian Dalam Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	150
4.8	Rumusan Analisis Data Kajian	152

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Model Komunikasi Shannon dan Weaver	67
2.2	Model Pemprosesan Maklumat Untuk Pembelajaran Dan Ingatan	71
2.3	Kerangka Teori Kajian	80
3.1	Reka Bentuk Kajian	86
3.2	Rancangan Penyelidikan Yang Dijalankan	88
3.3	Tatacara Pemprosesan Data	109
4.1	Hubungan Antara Sikap Terhadap Geografi Dengan Pencapaian Dalam Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	147
4.2	Hubungan Antara Sikap Pelajar Lelaki Terhadap Geografi Dengan Pencapaian Dalam Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	149
4.3	Hubungan Antara Sikap Pelajar Perempuan Terhadap Geografi Dengan Pencapaian Dalam Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	151

SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
ANCOVA	Analysis Of Covariance
APD	Alat Pandang Dengar
BPSP	Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PSD	Pusat Sumber Daerah
PSPN	Pusat Sumber Pendidikan Negeri
PSS	Pusat Sumber Sekolah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package For The Social Sciences
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TVP	Televisyen Pendidikan

LAMPIRAN

Muka surat

Lampiran A	Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Eksperimen	191
Lampiran B	Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan	273
Lampiran C	Jadual Penentuan Ujian	351
Lampiran D	Soalan Ujian Pra	352
Lampiran E	Soalan Ujian Pasca	371
Lampiran F	Borang Soal Selidik Sikap Pelajar	390
Lampiran G	Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca	392
Lampiran H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	398

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan Pendekatan Alat Bantu Mengajar berbanding dengan Pendekatan Eklektik dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi di kalangan pelajar Tingkatan Dua. Kesan pembelajaran dilihat dari segi markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen berbanding dengan markah pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca. Kajian ini juga bertujuan membandingkan pencapaian pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam kumpulan eksperimen.

Penyelidikan ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat korelasi di antara pencapaian pelajar dalam ujian pasca dengan sikap terhadap mata pelajaran Geografi. Sampel kajian terdiri daripada 216 orang pelajar Tingkatan Dua di dua buah sekolah menengah kebangsaan yang berlainan. Pelajar kumpulan eksperimen menerima olahan pengajaran Pendekatan Alat Bantu Mengajar. Pelajar daripada kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan Pendekatan Eklektik. Perlaksanaan pengajaran dijalankan selama lapan minggu.

Markah pencapaian pelajar dikumpul dari skor pencapaian pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca. Data berkaitan sikap pelajar diperolehi melalui soal selidik sikap dengan menggunakan Skala Likert. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 10.0. Bagi menguji hipotesis yang dibentuk, statistik ujian-t, ANCOVA dan Korelasi Pearson digunakan.

Analisis daripada ujian-t dan ANCOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian ujian pasca antara kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan daripada ujian ANCOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian pelajar dalam ujian pasca antara pelajar lelaki dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan. Manakala bagi pelajar perempuan pula tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam pencapaian ujian pasca antara kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan.

Dapatan daripada ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam sikap pelajar terhadap geografi antara kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sikap pelajar lelaki terhadap mata pelajaran Geografi antara kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan.

Dapatan daripada ujian Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap geografi dengan pencapaian dalam ujian pasca bagi kumpulan eksperimen. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam kumpulan eksperimen.

THE EFFECTS OF USING TEACHING AIDS IN THE TEACHING AND LEARNING OF GEOGRAPHY IN KULIM ON FORM TWO STUDENTS' ACHIEVEMENT AND ATTITUDE

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the effects of teaching using Teaching Aids Approaches compared to the Eclectic Approaches in the teaching of geography among Form Two students. The effect of learning is seen by comparing the achievement of the experimental and control group, which is determined by pre and post tests given to them. This research is also aimed at comparing the achievement of the respective male and female students in the experimental group.

The main objective of this study is to elucidate the existence of a correlation of achievement in the post test and the attitude of students towards Geography. Two hundred and sixteen Form Two students from two different schools were used as samples. The experimental group was taught using teaching aids approaches, whereas the control group was taught using the eclectic approaches. Different geography teachers were asked to teach the two groups in two schools for eight weeks.

The student's scores were gathered from their results in the pre and post tests. Students' attitude data were obtained by a questionnaire using the Likert Scale. The obtained data were analyzed using the SPSS version 10.0 programme. To test the hypotheses, t-test, ANCOVA and Pearson's Correlation were used.

Results from the t-test and ANCOVA showed significant differences on the post test achievement between the experimental group and to the control group. The results of the ANCOVA test showed significant differences on the post test between the male students in the experimental group and the control group. However there is no significant differences between the female students in the experimental group and the control group.

Results from the t-test showed significant differences on the student's attitude towards Geography between the experimental group and the control group. Results also showed significant differences on the attitude among the male students in the experimental group and the control group.

The result of the Pearson's Correlation test showed significant correlation between the student's attitude towards Geography and the post test achievement in the experimental group. The results also showed significant correlation between the student's attitude towards Geography and the achievement of male and female students in the experimental group.

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

“Bolehkah anda mengajar geografi supaya membolehkan pelajar berfikir?” (Gopsill, 1974). Persoalan ini jelas menunjukkan bahawa pengajaran geografi bukan semata-mata bertujuan memberikan seberapa banyak fakta dan maklumat geografi kepada pelajar tetapi pengajaran geografi seharusnya menjurus kepada penguasaan kemahiran berfikir supaya pelajar-pelajar dapat menyelesaikan masalah geografi. Salah satu cabaran yang berlaku dalam pendidikan geografi kini adalah bagaimanakah caranya untuk meningkatkan kebolehan pelajar berfikir secara kritikal dan analitikal tentang fenomena geografi dalam dunia globalisasi (Alderman dan Popke, 2002). Oleh itu pengajaran dan pembelajaran geografi harus memberi penekanan kepada kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, supaya pelajar-pelajar dapat mengenal pasti dan mengkaji masalah daripada aspek geografi serta membuat keputusan dengan bertanggungjawab.

Geografi merupakan satu kajian tentang organisasi ruang (spatial) yang tercetus sebagai hasil daripada pelbagai saling kaitan dan interaksi di antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar serta antara manusia dengan unsur-unsur alam. Pemahaman konsep dan generalisasi tentang proses dan interaksi daripada pelbagai fenomena ini menjadi asas kepada kajian geografi (KPM: Sukatan Pelajaran Geografi KBSM, 2000a). Kajian tentang ruang yang melibatkan manusia dan alam sekitar menjadikan disiplin geografi sebagai satu bidang ilmu yang saling berkaitan dan

sepadu dengan ilmu-ilmu biologi, fizikal dan sosial seperti unsur-unsur yang menunjukkan variasi yang jelas dalam ruangan yang mempunyai saling hubungan yang bermakna dengan fenomena alam. Hakikatnya, kajian geografi tidak hanya bertumpu kepada aktiviti manusia dan alam (ruangan) tetapi mencakupi semua aktiviti yang ada hubungan dengan fenomena alam bumi dan alam manusia.

Geografi telah diterima sebagai satu disiplin ilmu yang mengkaji tentang semua aspek berkaitan dengan bumi bagi melengkapkan hidupan makhluk dunia (manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan) supaya sempurna dan bersih. Hakikat hubungan ini dijelaskan secara terperinci oleh Brouillette (1965) dan Stoddart (1986) yang secara prinsipnya mendefinisikan geografi sebagai sains penggunaan tanah. Varma (1987), Stoltman (1991) dan Cutter *et al.* (2002) mentakrifkan geografi sebagai sains ruangan yang memberi perhatian kepada lokasi elemen-elemen pada bumi dan perhubungan antara satu sama lain.

Oleh kerana pengetahuan manusia tentang ilmu geografi sangat penting maka tanggungjawab manusia untuk memperolehi maklumat tentang perubahan yang berlaku segala fenomena di bumi. Selain itu, kemahiran yang diperolehi melalui kajian tentang fenomena-fenomena yang wujud di muka bumi boleh membantu manusia menyelesaikan berbagai-bagai masalah sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar yang timbul akibat tindakan dan aktiviti manusia di muka bumi. Geografi juga memberi sumbangan yang besar kepada kehidupan manusia dalam proses merancang dan membangun sesebuah negara supaya menjadi maju dan makmur.

Sekali lagi ditegaskan bahawa pengetahuan tentang geografi perlu dikuasai oleh manusia sebelum sesuatu aktiviti pengikisan dan perubahan spatial (ruangan) dilaksanakan. Dalam hal ini Golledge dan Stimson (1987). Harper (1990) dan Othman Haji Saaid (1993), menyatakan bidang geografi merupakan bidang kajian yang berkaitan dengan:

- i) penerangan tentang ruang dan corak penggunaan bumi oleh manusia;
- ii) bagaimana alam sekitar mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh manusia;
- iii) bagaimana manusia mengubah suai alam sekitar fizikal dan persekitaran sosial mereka;
- iv) bagaimana pengamatan, nilai dan tindakan manusia secara individu dan kumpulan mempengaruhi keputusan yang mereka buat tentang alam sekitar;
- v) bagaimana keputusan yang bercanggah tentang pengurusan alam sekitar dapat diselesaikan dengan baik; dan
- vi) bagaimana alam sekitar perlu diurus dengan baik.

Pengetahuan asas geografi yang tertumpu kepada pemahaman tentang alam sekitar dan interaksi di antara manusia dengan alam sekitar bertujuan untuk meluaskan pandangan pelajar mengenai keadaan alam di dunia dan pelbagai cara hidup manusia. Adalah diharapkan bahawa pemahaman ini akan menghasilkan satu persepsi mengenai bumi sebagai tempat kediaman manusia dan memperkembangkan komitmen individu tentang tanggungjawab dalam penggunaan dan pengurusan pelbagai sumber alam sekitar yang telah diamanahkan (Lee Ooi Kim, 1995). Pemahaman interaksi di antara manusia dan di antara manusia dengan alam sekitar boleh melahirkan kesedaran tentang kesan-kesan fenomena alam dan kegiatan manusia kepada kehidupan pelajar sendiri dan masyarakat.

Sebagai satu disiplin ilmu, mata pelajaran Geografi harus dikuasai semua manusia supaya dapat mengurus sumber alam yang terhad dengan maksimum. Mata pelajaran Geografi juga berdiri sebagai mata pelajaran penting dalam memperkenalkan pengetahuan dan memperluaskan pemikiran pelajar (Leo Ann Mean, 1995a). Oleh itu mata pelajaran Geografi harus diwajibkan sebagai mata pelajaran dalam sistem pendidikan formal.

Di Malaysia mata pelajaran Geografi berdiri sebagai mata pelajaran elektif di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tidak semua pelajar memilih mata pelajaran Geografi sebagai mata pelajaran pilihan. Bandingan peratus pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi daripada jumlah semua pelajar SPM pada tahun 1989 adalah 93% dan selepas mata pelajaran Geografi menjadi elektif, peratus pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi semakin berkurangan. Sebagai contoh pada tahun 1993 dan 1994 peratus pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi daripada jumlah keseluruhan pelajar SPM ialah 46% dan 44%. Kekurangan bilangan pelajar ini menandakan pelajar memberi pertimbangan yang kurang terhadap mata pelajaran Geografi. Kesan jangka panjang akan menyebabkan mata pelajaran Geografi semakin pupus sedangkan peranan dan sumbangan mata pelajaran Geografi kepada manusia adalah besar. Ini ditegaskan oleh Ling Chu Poh (1983), Rawling (1992), Idris Md. Noor (1994) dan Cutter *et al.* (2002).

Mata pelajaran Geografi mula diperkenalkan di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan semenjak zaman British lagi. Mata pelajaran Geografi diajar di semua sekolah vernakular termasuk sekolah Melayu dan Inggeris. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perubahan telah berlaku di dalam sistem pendidikan

kebangsaan. Perubahan-perubahan dasar ini melibatkan reka bentuk kurikulum. Antara perubahan yang paling ketara ialah Kementerian Pendidikan memperkenalkan sekolah aneka jurusan, sekolah teknik dan vokasional. KBSR, KBSM dan yang terbaru ialah Sekolah Bestari.

Perubahan dan pindahan reka bentuk kurikulum bagi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat dalam kesinambungan pelaksanaan kurikulum dilakukan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mahir dan aktif, berfikir secara logik dan rasional. Matlamat geografi Sekolah Menengah ialah membolehkan pelajar memahami fenomena geografi berfokus kepada negara Malaysia dan hubungannya dengan negara-negara lain supaya dapat melahirkan murid yang berilmu, bertanggungjawab, bersyukur dan mengenali serta mencintai negara Malaysia (KPM: Sukatan Pelajaran Geografi KBSM, 2000a). Oleh itu hala tuju pengajaran geografi harus menjurus kepada aspek penggunaan bahan dan perubahan gaya berfikir. Dalam konteks amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah didapati pelajar-pelajar lebih bersifat menerima, mendengar dan mempelajari geografi secara sehalu dan kurang berinteraksi. Kecenderungan ini berlaku kerana kaedah dan strategi pengajaran yang kerap digunakan oleh guru lebih berpusat kepada guru dan pelajar kurang dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran berpusatkan guru ini merupakan suatu amalan tradisi dan diamalkan oleh guru dalam semua peringkat pendidikan.

Hakikatnya terdapat banyak kelemahan jika guru terlalu kerap mengamalkan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru. Antaranya ialah tidak merangsangkan perubahan sikap dan daya usaha, ingin tahu ataupun tanggungjawab

di kalangan pelajar bagi menyusun dan merancang pembelajarannya (Ellington *et al.* 1993). Pelajar-pelajar menjadi pasif dan kurang melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bertentangan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berorientasikan kepada memperkembangkan potensi individu secara seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru adalah bertentangan dengan pengajaran berpusatkan murid yang mementingkan penglibatan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seseorang pelajar mempunyai motivasi untuk belajar sekiranya ia aktif dan terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran. Pendapat ini disokong oleh Kinzie dan Berdel (1990), Musa Daia (1992), Hannafin *et al.* (1997) dan Neill dan Curoe (2000) yang menyarankan pelajar-pelajar yang mempunyai daya motivasi yang tinggi dapat mewujudkan perasaan keupayaan, menambah pengamatan terhadap kawalan sendiri dan dapat meningkatkan perasaan ingin tahu terhadap isi kandungan pelajaran yang dipelajarinya.

Sebagai tindakan susulan pada tahun 1979 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula digubal untuk menggantikan kurikulum yang lama. Tindakan ini dikira perlu kerana terdapat banyak kelemahan dalam kurikulum lama. Antaranya ialah isi kandungan terlalu padat, penekanan terlalu berat kepada fakta, pengkhususan terlalu awal, terlalu berorientasikan peperiksaan dan sukatan pelajaran Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) lebih menjurus kepada pendekatan pengajaran berpusatkan guru yang terlalu mementingkan isi pelajaran dan kurang memberi pertimbangan terhadap perkembangan dan keupayaan pelajar-pelajar (Abdullah Mohd Noor, 1987). Manakala KBSM menegaskan kepada perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi perkembangan intelek, rohani, dan jasmani.

Antara perkara yang ditegaskan dalam penggubalan kurikulum Geografi KBSM adalah menggunakan pendekatan bersepadu. Pendekatan bersepadu adalah merupakan satu strategi untuk menjalin dan mengadunkan unsur-unsur ilmu, kemahiran, nilai dan bahasa. Berasaskan pendekatan bersepadu, pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja memberi penekanan terhadap pemerolehan pengetahuan semata-mata, tetapi juga terhadap perkembangan serta penguasaan kemahiran dan pemupukan serta penghayatan nilai (KPM: Sukatan Pelajaran Geografi, 1990). Dari segi pedagogi, perubahan yang dilakukan ke atas kurikulum geografi ini juga meliputi kaedah dan teknik pengajaran. Bagi meningkatkan penglibatan murid-murid dalam pembelajaran, penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan strategi yang dicadangkan.

Sehingga tahun 1986, mata pelajaran Geografi berdiri sebagai satu daripada mata pelajaran teras, tetapi selepas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan pada tahun 1987, mata pelajaran Geografi berdiri sebagai mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah atas. Kesan paling ketara ialah didapati semakin kurang bilangan pelajar yang memilih mata pelajaran Geografi sebagai mata pelajaran elektif di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Mata pelajaran Geografi hanya beroperasi sebagai mata pelajaran wajib semasa pelajar berada di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) sahaja. Kesan jangka panjang ialah jumlah ahli geografi muda negara di masa depan akan menjadi berkurangan (Idris Md. Noor, 1994). Sedangkan sumbangan ahli-ahli geografi amat diperlukan terutama dalam bidang pertanian, perindustrian, hidrologi, atmosfera dan ekosistem. Ahli-ahli geografi akan bersama-sama dengan ahli sains kimia, biologi dan tanah-tanah dalam menentukan projek-projek pembangunan negara.

Di peringkat sekolah rendah pula, melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1983, mata pelajaran Geografi mula diajar untuk pelajar-pelajar Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 melalui mata pelajaran Alam dan Manusia. Ilmu geografi yang diperkenalkan melalui mata pelajaran Alam dan Manusia digabungkan dengan mata pelajaran Sains, Sejarah, Kesihatan dan Sivik. Keadaan ini berlanjutan sehingga tahun 1986 kerana pada tahun 1987, mata pelajaran Geografi diperkenalkan pula melalui mata pelajaran Kajian Tempatan. Proses pengintegrasian berbagai disiplin ilmu melalui mata pelajaran Geografi sedikit sebanyak menghilangkan identiti mata pelajaran Geografi sebagai mata pelajaran penting di sekolah rendah. Mata pelajaran Geografi dijadikan mata pelajaran tempelan kepada mata pelajaran Sains dan Kemanusiaan. Perubahan demi perubahan menjadikan mata pelajaran Geografi semakin terpinggir sehingga mata pelajaran Geografi dianggap mata pelajaran tempelan. Ahli-ahli geografi dan pendidik geografi berasa tidak sewajarnya hal-hal seperti ini berlaku kerana melalui tindakan begini akan menghilangkan sifat unik geografi dan unsur-unsur unik geografi ini terpendam dalam unsur-unsur lain yang kurang relevan dengan mata pelajaran Geografi (Ling Chu Poh, 1983 dan Leo Ann Mean, 1995b).

Semenjak mata pelajaran Geografi diperkenalkan pada zaman British sehinggalah pada tahun 1980an didapati mata pelajaran Geografi begitu popular di kalangan pelajar-pelajar dan dipelajari oleh hampir semua pelajar di peringkat sekolah menengah. Sebagai contoh Jadual 1.1 menjelaskan perbandingan peratus pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi dan Sejarah daripada bilangan pelajar SPM dari tahun 1989 hingga 1992.

Jadual 1.1 :
Perbandingan Peratus Pelajar Yang Mengambil Geografi Dan
Sejarah Daripada Bilangan Pelajar SPM
Dari Tahun 1989-1992

Tahun	Geografi	Sejarah
1989	93%	60%
1990	92%	62%
1991	91%	64%
1992	89%	68%

(Sumber: Seminar Kebangsaan Pendidikan Geografi Di Malaysia, 1995)

Reformasi pendidikan di Malaysia merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan dasar-dasar yang digubal dan diselaraskan dengan perubahan-perubahan mengikut kesesuaian keperluan sistem pendidikan semasa. Matlamat utamanya adalah untuk memperbaiki, memperkukuh dan mempertingkatkan mutu serta amalan pendidikan negara. Dalam usaha memperkayakan pelajar dengan pelbagai maklumat, pendidik perlu menyesuaikan diri dengan keperluan kurikulum melalui penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dalam usaha memenuhi dasar pendidikan negara, teknologi pendidikan adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Teknologi pengajaran dan media pendidikan semakin pesat berkembang dalam pendidikan. Alatan pengajaran dalam bentuk bahan elektronik dan bahan bercetak menjadi bahan yang semakin penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam KBSR dan KBSM umpamanya, guru-guru digalakkan menggunakan pelbagai media dan kaedah untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam dunia pendidikan sekarang, guru-guru tidak boleh lagi menganggap mereka sebagai sumber

pengetahuan tunggal dalam bilik darjah. Guru-guru bukan sahaja sebagai pemudahcara dan pemimpin dalam bilik darjah tetapi bertanggungjawab sebagai pembimbing, pengurus, pendorong dan pakar rujuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru-guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi pengajaran supaya guru-guru dapat menggunakan sesuatu ABM secara tersusun dan sistematik bagi membantu proses pembelajaran. Penggunaan ABM secara terancang akan menjadikan pendidikan lebih bermakna dan mendatangkan kesan yang lebih positif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Noraziah Abdul Hamid, 1981, Rock dan Cummings, 1994, Dwyer, 1994 dan Mbangwana, 1997) dan dapat membantu atau menolong pencapaian satu-satu objektif pembelajaran (Ab. Rahim Selamat, 1989 dan Jeyanti, 1996).

Guru-guru harus menggunakan pelbagai sumber, pendekatan dan strategi supaya sesuai dengan latar belakang sosial dan ekonomi pelajar. Pelajar-pelajar ini datang daripada kebolehan, latar belakang ekonomi dan budaya yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Perbezaan sosio budaya antara pelajar menyebabkan pengetahuan, kebiasaan, kemahiran dan pengalaman mereka turut berbeza (Roselan Baki, 2003). Oleh itu, guru perlu memberi perhatian dan bimbingan yang saksama kepada pelajar-pelajar yang datang daripada latar belakang sosio budaya yang berbeza-beza supaya pelajar-pelajar ini tidak tercicir dan dapat mengikuti arus pendidikan perdana. Pelajar-pelajar ini juga harus dapat belajar dengan lebih cergas dan menyakinkan. Oleh itu guru perlu mengenal pasti kebolehan pelajar, latar belakang pelajar dan pengetahuan sedia ada pelajar sebelum merancang rancangan pengajaran. Keadaan seperti ini sebenarnya tidak dilakukan oleh guru yang mengajar melalui pendekatan eklektik yang hanya bergantung

kepada kapur dan tutur tanpa mengambil kira perbezaan-perbezaan kebolehan yang terdapat di antara pelajar-pelajar.

Manakala penggunaan pelbagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan membantu pelajar-pelajar lemah supaya belajar secara bersendirian. Pelajar yang berada di paras sederhana ini lebih mudah menanggapi serta memahami konsep dan isi kandungan mata pelajaran Geografi. Sebagai agen perubahan dan perantara pengajaran guru geografi harus cekap menggunakan pelbagai media atau alat bantu mengajar ketika mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran (Awang Had Salleh, 1988 dan Mei-Yan Lu *et al.* 1993). Perubahan gaya pengajaran ini dapat membantu pelajar supaya memberi tumpuan kepada pengajaran melalui kepelbagaian aktiviti yang dibantu oleh alat bantu mengajar.

Perhatian kepada usaha meningkatkan penglibatan pelajar-pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah salah satu aspek yang ditekankan dalam perubahan kurikulum KBSM. Usaha untuk melibatkan murid secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran adalah selari dengan pandangan yang mengatakan bahawa pembelajaran dikatakan berlaku menerusi perlakuan aktif pelajar-pelajar, iaitu menerusi apa yang pelajar lakukan dan bukan apa yang guru lakukan. Oleh itu, guru harus menggunakan berbagai strategi pengajaran terutama yang menitikberatkan aktiviti-aktiviti berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran geografi. Teknik pengajaran geografi yang terlalu bergantung kepada buku teks sahaja ketika mengajar akan mendatangkan kesan negatif kepada pelajar kerana pelajar tidak dapat berkomunikasi dengan pelajar-pelajar lain bagi memperkembangkan dan memperkayakan pengalaman pembelajarannya.

Oleh itu, cara bagaimana hendak menimbulkan keinginan, minat dan keyakinan pelajar terhadap pengajaran guru merupakan antara perkara penting yang harus diberi pertimbangan oleh guru ketika merancang sesuatu pengajaran. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran guru yang menggunakan sumber pendidikan yang terhad seperti kapur dan papan hitam sahaja semakin tersisih dalam pelaksanaan pengajaran geografi di sekolah-sekolah. Guru-guru geografi harus menggunakan alatan pengajaran sama ada dalam bentuk sedia ada seperti glob, gambar, peta, carta dan penggunaan bahan-bahan elektronik dan media komputer dalam proses pengajaran.

Geografi merupakan mata pelajaran yang kompleks kerana mata pelajaran ini mengandungi gabungan unsur-unsur sains semula jadi dan sains sosial serta kemanusiaan. Oleh kerana mata pelajaran Geografi mempunyai sifat integrasi atau disiplin berbagai ilmu seharusnya pembelajaran geografi disokong dengan penggunaan media pengajaran supaya konsep-konsep yang abstrak dan yang tidak dapat dilihat dapat dipermudahkan. Pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan ABM membolehkan pelajar-pelajar dapat memahami dan dapat mengingati isi pelajaran yang dipelajari dalam bilik darjah. Penggunaan ABM dan media secara sistematik menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bertambah realistik, menarik, berkesan dan merangsangkan. Kepelbagaian alatan pengajaran akan menjadikan pelajar aktif dan mahu mencuba. Interaksi dua hala dan interaksi berkumpulan dapat diadakan untuk menjadikan pengajaran geografi lebih interaktif dan menyeronokkan.

Guru geografi seharusnya berusaha menggunakan ABM supaya pelajar suka kepada pengajaran geografi dan dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Cadangan yang diutarakan ini selaras dengan tuntutan dan kehendak Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) terutama saranan-saranan yang dimajukan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP). Memandangkan pentingnya penggunaan teknologi dalam pendidikan, Bahagian Teknologi Pendidikan, telah mengadakan kursus untuk meningkatkan keupayaan guru-guru dan pentadbir sekolah dalam mengguna, mengurus dan memperolehi kecekapan dalam penggunaan media pengajaran. Begitu juga di peringkat negeri, daerah dan sekolah ditubuhkan Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), Pusat Sumber Daerah (PSD), Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) untuk meningkatkan kecekapan guru menggunakan ABM ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Yusup Hashim, 1997).

Alat bantu mengajar atau media pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran geografi ditentukan oleh objektif pengajaran, isi kandungan pelajaran dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Fungsi media pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukan lagi sebagai pelengkap dan penyokong pengajaran tetapi menjadi kemestian dan keperluan supaya hasil pengajaran guru berjaya dan berkesan. Oleh itu guru-guru harus peka memilih jenis media yang akan digunakan dan masa media ini akan digunakan oleh guru. Penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan memberi pengalaman yang paling relevan secara berkesan dan efisien kepada pelajar (Brown *et al.* 1977, Sharifah Alwiah Alsagoff, 1987, Kemp, 1989 dan Warren *et al.* 1998). Penjelasan ini amat berguna kepada guru-guru geografi yang masih tidak mahu mengubah teknik pengajaran secara eklektik kepada teknik menggunakan peralatan dan media pendidikan.

Pelaksanaan KBSR dan KBSM dalam sistem pendidikan kebangsaan merupakan suatu inovasi kurikulum kerana kurikulum baru menekankan pengintegrasian pengalaman pelajar, dengan sumber-sumber atau media pengajaran. Ini bererti, inovasi kurikulum yang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan ini perlu mendapat sokongan daripada guru agar mereka menggunakan berbagai sumber dan bahan pendidikan ketika mengajar mata pelajaran Geografi. Hal ini dikira perlu kerana penggunaan pelbagai media dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi prasyarat kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam falsafah dan objektif pendidikan. Berdasarkan natijah ini, jelaslah menunjukkan bahawa guru perlu menggunakan berbagai teknologi dalam proses pengajaran jika mahukan mata pelajaran Geografi diminati dan mendapat kedudukan yang setara dengan mata pelajaran Sejarah.

Kementerian Pendidikan telah membekalkan ke sekolah-sekolah alat-alat seperti radio, televisyen, projektor lutsinar, projektor slaid dan komputer bagi memudahkan guru menggunakan ABM dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Matlamat ini harus dipandang serius oleh guru-guru bagi memastikan setiap pelajar bersedia untuk mengikuti pengajaran secara aktif, ingin tahu, inovatif dan pemikiran yang bersemangat. Menurut Madeleine dan Gaea (1994) pembelajaran geografi secara sistematik dengan bantuan ABM membolehkan struktur skema membantu untuk memahami hubungan ruangan supaya dapat kekal dalam ingatan jangka panjang pelajar-pelajar.

Penggunaan ABM asas telah bermula di sekolah-sekolah vernakular Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil sejak mula-mula pelaksanaan sistem pendidikan formal. Penggunaan ABM asas dalam bentuk bahan-bahan visual seperti gambar, carta dinding,

peta, glob, bahan realia, model-model dan bahan terbangun secara meluas di sekolah-sekolah sekitar tahun 1960an. ABM berbentuk elektronik seperti projektor, slaid, projektor filem jalur dan projektor 16 mm mula digunakan secara meluas terutama pada tahun 1970an apabila kerajaan memberi tumpuan utama kepada pendidikan sebagai media memperkembangkan kemajuan pemikiran rakyat. Sebenarnya sejak tahun 1949 lagi Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jawatan Kuasa Alat Pandang Dengar (APD) peringkat persekutuan ditubuhkan dengan objektif utama Jawatan Kuasa APD ini ialah merangsang sekolah menggunakan APD (Nuruddin Jamin, 1983). Dalam tahun 1966, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan Penyiaran mengadakan siaran radio ke sekolah-sekolah. Berikutnya Siaran Televisyen Pendidikan ke sekolah-sekolah dalam bentuk projek perintis dimulakan pada tahun 1965. Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) telah diwujudkan pada tahun 1972 dengan nama Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan (BPSP) (Hasan Abu Bakar, 1990). Fungsi utama BPSP ialah untuk menyelaras dan memantapkan perkhidmatan alat pandang dengar dan media komunikasi atau media sebaran am seperti radio dan televisyen ke sekolah-sekolah (KPM: Bahagian Teknologi Pendidikan, 2000b). Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan amat penting untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dari segi konsep, bahan pengajaran bukan sahaja bertumpu kepada produk media bukan elektronik (media cetak) tetapi juga melibatkan produk media elektronik (media bukan cetak). Pengajaran guru harus meliputi penggunaan pelbagai media pengajaran untuk memudahkan kefahaman pelajar kerana tingkat kebolehan pelajar adalah berbeza-beza walaupun pelajar ini berada di dalam satu kelas. Dengan ini guru

harus menggunakan pelbagai media pengajaran secara sistematik untuk mencapai objektif pengajaran. Dengan ini proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih terbuka dan pelajar tidak semata-mata bergantung kepada guru. Pelajar boleh dialihkan sifat pergantungannya kepada berbagai sumber pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada atau yang dihasilkan oleh guru secara sistematik. Kecekapan dan kemahiran guru memilih dan menggunakan berbagai jenis media memberi kesan terhadap pencapaian objektif pengajaran.

Dalam proses pengajaran, biasanya sebelum guru memulakan sesuatu sesi pengajaran, guru akan memilih kaedah atau pendekatan yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan ABM yang akan digunakan. Pertimbangan pemilihan ABM mestilah berasaskan kepada pencapaian objektif atau situasi pengajaran. Tetapi disebabkan oleh pelbagai halangan dan masalah, guru-guru geografi hanya bergantung kepada ABM yang tersedia ada dalam bilik darjah. Oleh yang demikian guru geografi hanya bergantung kepada buku teks, papan tulis dan kaedah kuliah dan kurang memberi pertimbangan sama ada penyampaiannya sesuai atau berkesan bagi mencapai objektif pembelajaran geografi.

Setiap media dan ABM yang dipilih tidak semuanya menepati kehendak dan keperluan objektif pengajaran. Ini bukan bermaksud bahan tersebut tidak boleh digunakan sebagai media pengajaran. ABM dan media yang dipilih tersebut boleh diubahsuai atau direka bentuk semula agar menepati objektif, ciri-ciri pelajar serta teknik penyampaian (Vikas dan Poonam, 1991 dan Ismail Zain, 2002). Menurut Usha Rao (1991) dan Yusup Hashim (1997), antara langkah yang perlu digunakan dalam pemilihan ABM dan media untuk pengajaran adalah tentukan situasi pengajaran, kenal

pasti ciri-ciri pelajar, senaraikan objektif pembelajaran, susun peristiwa pengajaran, tentukan domain dan kemahiran pembelajaran dan pilih, baiki dan bina media. Pemilihan ABM dan media oleh guru tanpa mempertimbangkan ciri-ciri pelajar dan objektif pengajaran tidak dapat menimbulkan motivasi untuk belajar dan kurang berkesan dalam mencapai objektif pengajaran. ABM yang dipilih juga perlulah sederhana, mudah digunakan dan mudah didapati. ABM yang dipilih juga mestilah boleh digunakan untuk lebih daripada satu tajuk pelajaran (Mat Nor Hussin dan Amin Arshad, 1991).

1.2 Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini berhasrat untuk mengkaji kesan penggunaan alat bantu mengajar seperti projektor overhead/lutsinar, peta, gambar dan carta dalam proses pengajaran dan pembelajaran geografi. Pendekatan Alat Bantu Mengajar akan dibandingkan dengan Pendekatan Eklektik iaitu guru memberikan penerangan dengan sokongan buku teks.

Mata pelajaran Geografi yang diajar di sekolah menengah telah mengalami banyak perubahan. Contohnya, sekitar tahun 1970an mata pelajaran Ilmu Alam menghendaki pelajar-pelajar menghafal butir-butir tentang bentuk-bentuk muka bumi gunung, tasik, sungai, dataran, tumbuh-tumbuhan dan kawasan pertanian (Katiman Rostam, 1995 dan Shelley, 1999). Teknik hafalan yang diamalkan ini bertujuan supaya pelajar-pelajar dapat mengingati butir-butir geografi bertujuan untuk lulus peperiksaan awam lulus dengan baik. Teknik menghafal banyak maklumat geografi disangkal oleh Jordan (1996). Jordan berpendapat teknik menghafal ini adalah sesuatu yang sangat

rumit dan tidak berguna. Pendekatan pengajaran secara tradisional ini kurang memberi pertimbangan terhadap interaksi antara pelajar dengan guru. Pengabaian terhadap interaksi dua hala ini lama-kelamaan menjadikan pelajar merasa bosan dengan pengajaran guru dan kesannya minat pelajar terhadap pembelajaran geografi semakin pudar dan malap (Ngui Kuan Sang, 1983 dan Abibullah Haji Samsudin, 1994). Pengajaran secara eklektik ini merupakan salah satu kaedah pengajaran yang paling disukai oleh guru geografi kerana ia mudah diamalkan di sekolah-sekolah. Pendekatan Eklektik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hanya berpusatkan kepada guru dan pelajar hanya menyalin catatan nota dari papan hitam. Penglibatan pelajar agak pasif dan terhad.

Pendidikan Geografi KBSM, memberi tumpuan kepada pemahaman konsep-konsep geografi, perkembangan persepsi perseorangan tentang organisasi ruangan, penguasaan dan aplikasi kemahiran asas geografi serta pemupukan nilai-nilai murni dan semangat kewarganegaraan (KPM: Sukatan Pelajaran Geografi KBSM, 2000a). Penghafalan fakta dan maklumat oleh murid tidak menjadi sasaran utama dalam pengajaran geografi. Pendidikan Geografi KBSM juga memberi tumpuan kepada pembelajaran melalui pengalaman dengan pelajar menggunakan aktiviti pemerhatian, mencari maklumat, mengkaji siasat dan menyelidik, membanding dan menganalisis data, membincang, mentafsir dan melapor. Menurut Meyers dan Jones (1992) dan Lee Ooi Kim (1995) aktiviti pembelajaran secara aktif ini membolehkan pelajar memahami konsep dan generalisasi serta mengaplikasikannya ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perubahan orientasi dan pendekatan pengajaran dalam mata pelajaran Geografi menjadikan geografi satu disiplin ilmu yang tidak hanya memberi tumpuan

kepada sifat dan perubahan bumi tetapi menggunakan geografi meliputi geografi terapan.

Anjakan matlamat dan objektif dalam mata pelajaran Geografi KBSM ini menjadikan pengajaran secara tradisional (diskriptif/informatif) sudah tidak mendapat tempat sepenuhnya oleh pendidikan geografi. Proses pengajaran dan pembelajaran geografi kini banyak melibatkan penggunaan berbagai sumber media dan sumber pengajaran bagi merangsang pelajar supaya minat dan mempunyai sikap positif terhadap mata pelajaran Geografi.

Sukatan Pelajaran Geografi KBSM telah dilaksanakan pada tahun 1993. Walau pun sudah sepuluh tahun dilaksanakan tetapi pencapaian pelajar dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) masih belum memuaskan. Leo Ann Mean (1995a), mendapati terdapat beberapa sebab yang mengakibatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi semakin merosot. Beliau mendapati punca utama berlakunya kemerosotan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam antaranya ialah kekurangan guru geografi yang berkelayakan, kekurangan alat bantu mengajar, penggunaan strategi pengajaran yang kurang berkesan dan pengurusan mata pelajaran Geografi yang lemah. Kemerosotan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi di peringkat PMR, SPM dan STPM menunjukkan bahawa terdapat berbagai kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum Geografi KBSM di peringkat sekolah.

Bagi mengenal pasti masalah-masalah dalam pelaksanaan Geografi KBSM maka KPM: Jemaah Nazir Sekolah (1991), telah menjalankan kajian di dua belas buah

sekolah menengah di setiap negeri di Malaysia dan berikutnya telah mengemukakan satu laporan hasil daripada tinjauan KPM: Pusat Perkembangan Kurikulum (1992), terhadap pelaksanaan kurikulum baru geografi di enam puluh dua buah sekolah di lapan negeri. Hasil kajian dan tinjauan mendapati kebanyakan sekolah yang dikaji tidak mempunyai alat bantuan mengajar seperti glob, peta dinding, peta topografi, model, carta, spesimen dan alat audio-visual seperti radio, alat perakam dan televisyen yang lengkap dan sempurna. Bagi mengatasi masalah kekurangan ABM dalam mata pelajaran Geografi guru menggunakan kaedah eklektik dan pengajaran berpusatkan guru seperti kaedah kuliah dan penerangan dengan pergantungan sepenuhnya kepada buku teks dan buku kerja. Penggunaan kaedah pengajaran secara tradisi ini menyebabkan pelajar-pelajar amat bergantung kepada guru dan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pasif dan tidak terlibat secara aktif.

Menurut Musa Daia (1992), mengajar merupakan suatu seni yang luhur. Guru merupakan individu yang berpengaruh dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan berkesan dalam bilik darjah. Oleh itu, guru perlu menyesuaikan teknik penyampaian pengajaran geografi dengan bahan dan ABM supaya pembelajaran geografi menjadi lebih berkesan. Teknik penyampaian geografi oleh guru yang hanya bergantung kepada buku teks sahaja kurang sesuai. Ini menyebabkan pelajar-pelajar kurang memahami terhadap isi pelajaran yang diajar oleh guru. Strategi pengajaran guru yang kurang sesuai menyebabkan kegagalan pelajar dalam mempelajari apa yang diajar oleh guru (Reigeluth, 1983 dan Klein, 2003). Oleh itu, semasa merancang sesuatu aktiviti pengajaran guru-guru geografi haruslah memberi pertimbangan dan fokus kepada proses pembelajaran supaya pelajar-pelajar dapat mengikuti pelajaran dengan berkesan dan dapat memahami apa yang disampaikan oleh guru di dalam bilik darjah.

Bagi menyelesaikan masalah ketidakupayaan pihak sekolah menyediakan ABM menjadikan guru menggunakan pendekatan eklektik dan reka bentuk pengajaran lebih berpusatkan guru dan amat kurang berpusatkan pelajar. Guru geografi kerap kali menggunakan kaedah kuliah serta penerangan kepada murid tanpa menggunakan ABM yang sesuai semasa pengajaran geografi (Ngui Kuan Sang, 1983 dan Idris Md. Noor, 1994). Kaedah kuliah tanpa ABM akan menjejaskan proses kognitif untuk mengintegrasikan maklumat yang diperolehi dengan pengetahuan sedia ada pelajar (Bowen, 1990). Manakala menurut Meyers dan Jones (1992) guru yang hanya bergantung kepada kaedah kuliah sahaja akan menyebabkan pelajar-pelajar tidak akan memberi perhatian kepada pengajaran guru, pelajar akan kehilangan minat untuk belajar dan juga pelajar tidak dapat mengekalkan maklumat yang dipelajari dalam ingatan. Akibatnya ialah pembelajaran yang bermakna tidak berlaku dan kemungkinan besar sesetengah pelajar terpaksa menghafal maklumat tersebut tanpa memahaminya (Dale, 1969 dan Merrell dan Newton, 1993).

Kajian yang dijalankan oleh Fatimah Abu Bakar (1980) dan Gan Lee Eng (1991) mendapati penggunaan ABM adalah terlalu kurang dalam pengajaran geografi. Masalah ketidakupayaan guru menggunakan ABM dalam pengajaran geografi telah dikenal pasti oleh Ngui Kuan Sang (1983) dan Idris Md. Noor (1992). Mereka mendapati kecenderungan guru menggunakan alat pandang dengar seperti papan hitam dan buku teks sahaja dalam pengajaran geografi amat ketara. Guru geografi kerap memilih pendekatan eklektik semasa mengajar mata pelajaran Geografi. Ini menjadikan interaksi pengajaran lebih bersifat sehalu. Keadaan ini ditambah pula dengan sikap guru yang lemah dalam perancangan dan penyampaian pengajaran. Pengajaran yang lemah ini ditambahi dengan guru sering membaca dan menerangkan dari isi kandungan buku teks

dengan bantuan papan hitam dan guru tidak menyediakan alat bantuan mengajar yang sedia ada atau ciptaannya sendiri. Menurut Koh Eng Kiat (1975), Lim Teh Eng (1981) dan Ngui Kuan Sang (1982/1983) guru geografi didapati tidak mempunyai objektif pengajaran yang hendak dicapai semasa mengajar geografi. Di samping itu terdapat juga kajian yang mendapati bahawa penggunaan media yang tidak sistematik di bilik darjah telah menjejaskan pencapaian dalam mata pelajaran Geografi di kalangan pelajar-pelajar (Koh Eng Kiat, 1975, Lim Teh Eng, 1981 dan Ngui Kuan Sang, 1982/1983).

Keadaan yang kurang memberangsangkan ini melemahkan sikap dan keinginan belajar terutama di kalangan pelajar yang mempunyai aras pencapaian sederhana dan lemah dan kedudukan sekolah pula berada di kawasan luar bandar (Lim Teh Eng, 1981). Oleh itu, penggunaan pelbagai alat dan bahan pengajaran di bilik darjah yang semakin berkurangan akan melemahkan sikap dan keinginan belajar pelajar untuk mengikuti pengajaran geografi (Ismail Zain, 1994 dan Yates, 2000). Dengan beberapa kelemahan yang dipaparkan ini menjadikan pelajar tersalah anggap terhadap mata pelajaran Geografi. Ramai pelajar beranggapan mata pelajaran Geografi adalah susah dipelajari dan kurang mempunyai prospek ekonomi. Kesan daripada pengajaran yang kurang efektif dan sempurna ini menjadikan pelajar kurang menunjukkan minat untuk terus belajar kerana sudah ada satu tanggapan awal terhadap mata pelajaran Geografi yang lebih bersifat negatif dan membosankan. Kesan lanjutan menjadikan para pelajar geografi amat bergantung kepada guru dan tidak berani membuat keputusan sendiri kerana tidak yakin dan hilang kepercayaan untuk mencari maklumat dan bahan pembelajaran daripada sumber-sumber lain.

Kajian mengenai hubungan sikap dengan pencapaian menunjukkan bahawa sikap memang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran (Fun Foo Ying, 1990 dan Harwood dan McMahon, 1997). Jika pelajar mempunyai sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran, pencapaian pelajar juga akan turut meningkat dalam mata pelajaran tersebut (Bloom, 1976, Haladyna dan Thomas, 1979 dan Shaughnessy dan Haladyna, 1985). Sikap mempunyai hubungan dengan penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran. Sikap dan pencapaian pula tidak menunjukkan hubungan yang signifikan, walaupun kepercayaan umum menyatakan terdapat hubungan yang positif antara sikap dan pembelajaran tetapi dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap sesuatu media tidak menunjukkan pencapaian yang tinggi. Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran tetapi menunjukkan pencapaian yang lebih baik (Clark dan Sugrue, 1991). Pada dasarnya pengkaji-pengkaji percaya bahawa sikap, kepercayaan dan nilai mempengaruhi motivasi untuk belajar (Clark dan Sugrue, 1991). Motivasi yang kuat untuk belajar akan dapat mendorong pelajar mencapai objektif pembelajaran pada aras yang lebih tinggi.

Oleh itu, guru harus cekap dan pandai memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menimbulkan minat pelajar. Menurut Omardin Ashaari (1999) dan Ishak Ramly (2003) strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat mendorong pelajar memperolehi pencapaian akademik yang baik. Oleh itu, guru harus mengambil langkah positif dan aktif ketika mereka bentuk dan merancang pengajaran. Penyediaan rancangan pengajaran yang bersistematik oleh guru

adalah perlu bagi mengekalkan dan meningkatkan motivasi serta memupuk sikap positif pelajar terhadap pembelajaran (Romiszowski, 1989).

Forsyth dalam Sack dan Petersen (1998) mendapati kajian sikap pelajar terhadap mata pelajaran Geografi adalah sangat kurang dan begitu juga masih kurang maklumat asas mengenai kesan jantina terhadap pembelajaran geografi (Hardwick, 2002). Kebanyakan kajian adalah lebih kepada pemilihan mata pelajaran berdasarkan jantina. Manakala menurut Stables dan Stables (1995) dan Whitehead (1996) kesan jantina dalam pemilihan mata pelajaran dan tahap pencapaian dalam sesuatu mata pelajaran masih wujud. Kajian Archer dan Freeman (1989) dan Archer dan Macrae (1991), menunjukkan bahawa mata pelajaran seperti Matematik, Sains Fizikal, Komputer dan Teknologi sebagai mata pelajaran lebih diminati oleh pelajar lelaki manakala mata pelajaran Sastera, Sejarah, Geografi dan Bahasa pula lebih diminati oleh pelajar perempuan. Namun begitu kajian oleh Ormerod (1975) dan Harvey (1984) mendapati pelajar lelaki mengemari mata pelajaran Geografi. Manakala Kajian Bramwell (1987), Stables dan Stables (1995) dan Colley dan Comber (2003), mendapati pelajar perempuan mempunyai sikap lebih positif terhadap mata pelajaran Geografi berbanding dengan pelajar lelaki. Manakala kajian oleh Sack dan Petersen (1998), menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar lelaki dengan sikap pelajar perempuan terhadap pemilihan mata pelajaran Geografi sebagai mata pelajaran di sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh McTeer (1979) dan Sack dan Petersen (1998) mendapati pelajar-pelajar menunjukkan sikap yang kurang positif terhadap mata pelajaran Geografi berbanding dengan mata pelajaran sosial sains seperti Sejarah,